

Nasionalisme dan Persoalan Identiti Politik di Sempadan: Kajian Kes Komuniti Murut Bantul, Daerah Nabawan, Sabah

ABSTRACT

In today's age of information, the issue of national identity and a nation's security seems to be at stake and frequently challenged in various manners. The process of globalization has generated massive degree of openness that straddles national boundaries and thus takes its toll on national identity and security. Contemporary scholars such as Robertson (1992), Giddens (1990) and Ohmae (1995) reiterate that the phenomenon of globalization has brought up some kind of community with diverse socio-cultural backgrounds. As the world is becoming integrated, nationalism is said to be on the decline. To dwell on this argument, this article seeks to analyze the feeling of nationalism among the community in border areas of Sabah (Malaysia) and Kalimantan Timur (Indonesia). Focusing on the Murut community in a village called Bantul in Nabawan, Sabah, the writer undertakes to assess the community's sense of values, norms and political self-identity with respect to nationalism in Malaysia. In doing so, this study was done by focusing and examining the historical socio-political stage of ethnic identity formation in Sabah through casual effect factors from its early stages until to date. This study concludes that ethnic identity at the border, if not carefully guarded would likely emerge as a political threat to the national stability.

Key words: nationalism, ethnic identity, globalization, border culture and social integration in Sabah, Malaysia.



Zaini Othman, M.A. ialah Pensyarah Hubungan Antarabangsa di Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah). Beliau dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada 27hb April 1967. Memperolehi ijazah pertama dalam bidang Sains Politik dari UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) Bangi, pada tahun 1991; dan ijazah Sarjana (M.A.) dari University of Manchester, United Kingdom (1993-1995) dalam jurusan Pembangunan Politik & Ekonomi Politik Antarabangsa. Antara hasil penulisan beliau ialah *Kenegaraan Malaysia* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 2005); *Demokrasi, Kepimpinan & Keselamatan dalam Politik Malaysia* (Bangi: Penerbit UKM, 2006); "Barisan Nasional dan Persoalan Hegemoni Politik" dalam *Jebat: Jurnal Jabatan Sejarah* (Bangi: FSSK-UKM, 2003); dan "Elections in Democratic Hegemonic State" dalam *JATI: Jurnal Ilmu Sosial* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007). Beliau juga telah membentang dan menyertai pelbagai seminar, samada di peringkat domestik ataupun antarabangsa. Bersabit kepentingan akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat e-mail: zo@ums.edu.my atau znothman@yahoo.com

PENGENALAN ¹

Pada dua dekad terakhir abad ke-20, politik dunia antara lain menyaksikan dua perkembangan politik yang menarik. *Pertama*, berakhirnya era Perang Dingin diantara Soviet Union dan Amerika Syarikat yang secara langsung membentuk percaturan dunia daripada bipolar kepada unipolar; dan *kedua*, keruntuhan Kesatuan Soviet dan munculnya beberapa negara baru dalam peta dunia (Robertson, 1991). Kedua-dua perkembangan ini telah memberi kesan langsung kepada perkembangan politik, sosial dan juga ekonomi dunia. Dari sudut politik, dunia menyaksikan kemunculan negara-bangsa baru seperti Georgia, Ukraine, Kazakhstan, Turkmenistan, Uzbekistan dan beberapa negara yang lain. Dari sudut sosial, kebangkitan kesedaran nasionalis di kalangan negara-negara kesatuan berideologi komunis seperti yang tercetus di negara bekas kesatuan Yugoslavia, yang memunculkan negara baru seperti Bosnia-Herzegovina, Serbia-Montenegro, dan juga Croatia; manakala German Timur bersatu dengan German Barat membawa kepada pembentukan German. Sementara dari sudut ekonomi, memanifestasikan keunggulan sistem kapitalis dalam hegemoni ekonomi dunia.

Manakala pada dekad terakhir abad ke-20 pula, khususnya bermula pada tahun 1997 hingga 1999, ekonomi dunia menyaksikan krisis mata wang. Walaupun dari sudut lokaliti, krisis mata wang tersebut hanyalah terdampak di sekitar negara Asia Timur seperti Korea Selatan dan Taiwan; Asia Tenggara seperti Malaysia, Thailand, Filipina dan Indonesia; namun kesan jangkitan (*band-wagon effect*) krisis tersebut adalah begitu besar terhadap kestabilan politik di Asia Timur dan Asia Tenggara khasnya serta dunia amnya. Antaranya yang boleh ditelusuri ialah krisis kepimpinan dan pemisahan politik yang berlaku di Indonesia, Thailand, Malaysia dan juga Filipina. Di Indonesia, misalnya, krisis mata wang telah menamatkan penguasaan dan dominasi politik Golongan Karya (GOLKAR) di bawah kepimpinan Presiden Soeharto selama 32 tahun lebih di negara tersebut. Dalam masa yang sama, krisis tersebut telah membawa kepada perpecahan geo-politik Indonesia, iaitu keluarnya Timor-Timur dari kesatuan Indonesia membawa kepada pembentukan Timor-Laste. Selain itu juga tekanan Gerakan Aceh Merdeka (GAM),

¹Kertas kerja ini dihasilkan melalui dana penyelidikan yang diperuntukkan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia dibawah tema penyelidikan Pengesahan Fakta Persempadanan Negeri Sabah yang diketuai oleh Prof.Dr. Sabihah Osman, Profesor Sejarah di Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah).

Gerakan Kemerdekaan Maluku (GKM) dan juga Gerakan Pembebasan Irian Jaya (GPIJ) telah menambah kompleks kegugatan integriti Indonesia sebagai sebuah negara-bangsa (Ricklefs, 2001).

Senario yang sama juga turut tercetus di Filipina, apabila krisis mata wang tahun 1997 turut mengancam integriti Filipina sebagai sebuah wilayah politik, apabila Gerakan Kemerdekaan Mindanao yang dipimpin oleh Nur Misuari dan beberapa cabang gerakan pemisahan Mindanao yang lain telah memperhebatkan tuntutan kemerdekaan wilayah Mindanao daripada Manila. Situasi yang hampir serupa juga tercetus di Thailand. Krisis yang sama turut menggugat kepimpinan dan pentadbiran politik Thailand, khususnya di wilayah Selatan Thailand, iaitu kes tuntutan dan pemisahan yang di gerakkan oleh Gerakan Pemisah Pattani atau lebih dikenali sebagai PULO (Jomo ed., 1999).

Di Malaysia, krisis mata wang tahun 1997 turut memberi impak yang sama sebagaimana negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara yang disentuh secara sepiantas lalu di atas. Krisis mata wang tahun 1997 menyaksikan krisis kepimpinan diantara Tun Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia, 1981-2003) dengan Timbalan beliau pada ketika itu, iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Krisis kepimpinan antara kedua pemimpin ini menyaksikan suatu perkembangan yang dramatik dalam sejarah pembangunan politik Malaysia, iaitu kemunculan Gerakan Reformasi yang menuntut kepada perubahan total dalam praktis sistem demokrasi di Malaysia. Menariknya, gerakan ini turut mendapat sokongan atau dukungan politik daripada pentadbiran politik Amerika Syarikat. Gerakan ini walaupun tidak memecah-belahkan Malaysia sebagai sebuah wilayah politik yang bersatu, namun ia jelas sama sekali menggugat integriti politik Malaysia, samada dari sudut geografi mahupun sosial (Crouch, 1992; dan Jamaie Hamil, 2005).

Integriti Malaysia sebagai sebuah wilayah politik yang bersatu, sekali lagi, menerima tamparan dan cabaran apabila selepas Peristiwa 11 September 2001, pengeboman Pusat Dagangan New York oleh sekumpulan pengganas sebagaimana yang didakwa oleh pihak pentadbiran Amerika Syarikat pimpinan George W. Bush. Semenjak itu Amerika Syarikat melancarkan kempen anti pengganas global yang menyaksikan serangan Amerika dan sekutunya ke atas Iraq dan diikuti serangan terhadap Afghanistan. Tempias kepada kempen anti pengganas oleh Amerika ini, Malaysia telah disenaraikan antara beberapa negara yang merupakan tempat perlindungan dan

pertumbuhan kumpulan pengganas. Pertuduhan ini diperkukuhkan lagi dengan beberapa siri pengeboman yang berlaku di Indonesia dan Filipina yang didakwa di dalangi oleh dua orang pengganas yang berasal dari Malaysia, iaitu Dr. Azahari dan juga Nordin Mat Top.

Rentetan penyingkapan kepada beberapa perkembangan politik yang berlaku pada dua dekad terakhir abad ke-20 di atas, jika diteliti dan diperhalusi, mempunyai kesan sampingan yang boleh menggugat agenda nasional negara untuk mencapai sebuah negara maju yang bersatu, dalam konteks ini bangsa Malaysia, pada tahun 2020 nanti. Agenda ini akan menjadi bertambah rumit dan sukar untuk dicapai dengan perkembangan arus globalisasi dalam segenap bidang dan ruang masyarakat yang bukan sahaja pantas malah bertambah sukar untuk difahami dan ditafsirkan fenomenanya. Perkembangan teknologi informasi yang menerobos dan hadir pada setiap warga negara Malaysia, tidak kira samada mereka itu berada di Long Pasia, Baram, Ulu Tembling, Gua Musang, dan lain-lain tempat di negara ini, telah mengupayakan warga Malaysia untuk mencapai dan menerima nilai-nilai sosial dari luar yang sebelum ini tidak tergapai oleh mereka.

Perkembangan sebegini secara implisitnya menunjukkan bahawa perkembangan minda dan juga intelektual masyarakat kita bukan lagi sepenuhnya berada di bawah kawalan institusi keluarga, masyarakat dan juga negara. Contoh yang paling ketara adalah fenomena anak-anak Malaysia seawal pendidikan Sekolah Rendah sudah mampu dan pandai berkomunikasi dengan rakan mereka melalui internet dan juga telefon bimbit. Dari satu sudut yang positif hal ini menunjukkan kepada akan ketinggian ilmu anak-anak kita, namun dari satu perspektif yang lain ia memberi gambaran bahawa anak-anak kita sudah sebenarnya berada di luar dari "kawalan" ibu bapa, masyarakat, dan malah negara.

Situasi ini jika ditinjau dari sudut sosiologi boleh secara langsung menggugat citra bangsa yang sedang dirancang oleh pihak pemerintah, khususnya kerajaan. Perkembangan globalisasi dari satu sudut seolah-olah mengarah kepada pemecahan intelektual dan minda masyarakat Malaysia justru mengancam perencanaan dan agenda pemerintah ke arah pembentukan bangsa Malaysia pada tahun 2020 nanti. Persoalan ini perlu di beri penelitian yang khusus dan serius kerana sebagaimana yang kita sedia maklum, masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama, bahasa dan juga budaya (Geertz, 1963; dan

Vasil, 1980). Kemajmukan ini menjadi semakin kompleks jika kita memerhatikannya dalam konteks masyarakat di Sabah dan juga di Sarawak. Dan kemajmukan ini dikomplekskan lagi dengan kemajmukan dari sudut geo-politik yang terdiri daripada beberapa negeri yang mempunyai latar undang-undang dan sejarah yang berbeza-beza di antara satu sama lain (Enloe, 1970; Cham, 1975; dan Goh Cheng Teik, 1989).

Faktor-faktor di atas adalah satu situasi Malaysia yang rapuh, iaitu rapuh dari sudut politik, sosial dan juga ekonomi; atau dalam erti kata lain rapuh dari sudut nasionalisme dan identiti politiknya. Kerapuhan ini, sebagaimana yang telah dijelaskan, boleh menggugat keutuhan dan kestabilan politik Malaysia, samada dari sudut kesepaduan wilayah ataupun integrasi sosiologi politik di kalangan masyarakatnya yang berbilang kaum (Means, 1976; dan Milne & Mauzy, 1978). Berdasarkan kepada situasi dan perkembangan semasa, samada di peringkat domestik dan juga global, adalah amat perlu untuk satu penelitian secara komprehensif dibuat bagi memahami dan mengetahui sejauhmanakah tahap nasionalisme dan identiti politik yang wujud di negara ini, samada dari sudut integrasi kewilayahan ataupun integrasi intelektual dan minda di kalangan masyarakat Malaysia.

Penelitian yang dibuat untuk aspek ini amat berguna bagi Malaysia merangka dan mengenal pasti apakah integrasi politik, sama ada dari sudut wilayah atau intelektual, yang ada sekarang mampu untuk menyokong agenda pemerintah bagi mewujudkan sebuah negara maju dengan konsep satu negara satu bangsa. Pengalaman yang telah terjadi kepada negara bekas Soviet Union, German Timur, Yugoslavia, dan Indonesia perlu dijadikan sebagai satu contoh amaran terhadap *survival* Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa yang masih dalam proses pemantapan dan pengukuhan. Hal ini amat jelas kerana dalam sejarah pembangunan dan perkembangan Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa pernah secara empirikalnya mengalami kegugatan tersebut. Misalnya pada tahun 1965, iaitu selepas dua tahun kejayaan negara ini melalui kepimpinan Tunku Abdul Rahman membentuk Persekutuan Malaysia [percantuman Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak], Singapura telah menuntut pemisahan untuk berdiri sebagai sebuah negara berdaulat (Mohamad Nordin Sopiee, 1976).

Pemisahan Singapura tersebut secara logik politik adalah suatu bentuk kerugian dan kehilangan wilayah politik yang amat besar,

samada dari sudut populasi, keselamatan dan juga sumber ekonomi. Empat tahun kemudian, iaitu selepas Pilihanraya Umum 1969, teretusnya Persitiwa 13 Mei, yang dilabelkan sebagai konflik perkauman (Comber, 1983; dan Goh Cheng Teik, 1989). Konflik tersebut hampir sahaja “menggantung” status kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Demikian juga pada sekitar tahun 1980-an, Sabah turut pernah menyuarakan hasrat untuk keluar dari gagasan Malaysia (Leigh, 1988). Walaupun hasrat tersebut tidak terjelma, malah di kalangan pemerhati politik melihat perkara tersebut sebagai suatu mainan politik di kalangan parti politik yang terlibat, namun hasrat yang sedemikian adalah suatu yang tidak sepatutnya dipersepsikan sebagai mainan politik. Ini kerana hasrat yang sedemikian rupa adalah satu perkara yang pernah terjadi [baca: kes Singapura] dan kesannya telah merubah lanskap politik Malaysia.

Dalam konteks kajian pembangunan politik negara sedang membangun, aspek kestabilan politik sering menjadi tumpuan atau tujahan utama para sarjana, apatah lagi apabila negara yang diteliti mempunyai struktur atau sifat masyarakat pelbagai kaum dan bangsa serta mempunyai nilai sentimen primordial yang begitu tinggi (Almond & Coleman, 1960; Lustick, 1979; dan Barraclough, 1985). Sistem politik negara membangun yang dipengaruhi elemen sentimen primordial dilihat sebagai suatu permasalahan pembangunan politik. Wujud pandangan empirik di satu pihak yang menyatakan bahawa dalam masyarakat atau negara yang sistem politiknya kuat dipengaruhi oleh elemen primordial sukar untuk diwujudkan sebuah sistem politik universal dari segi sifat, nilai, struktur dan sistemnya (Lijphart, 1977; dan Diamond, Linz & Lipset, 1989).

Premis yang sama juga banyak terdapat dalam kajian pembangunan politik dan sistem politik di Malaysia. Sifat dan struktur sosiopolitik masyarakat Malaysia yang begitu didominasi oleh elemen primordial, dalam konteks ini adalah elemen etnik, bahasa dan budaya. Oleh itu, kesan daripada sifat dan struktur masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, para pengkaji pembangunan sistem politik Malaysia telah melabel sifat pembangunan politik Malaysia dalam pelbagai kategori seperti “semi-demokrasi” (Case, 1993); “statist-demokrasi” (Jesudason, 1995); “antara demokrasi dengan authoritarian” (Crouch, 1996); dan “quasi-demokrasi” (Zakaria Hj. Ahmad, 1989).

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan meninjau aspek nasionalisme dari segi nilai, norma dan jati diri politik di kalangan komuniti sempadan di Malaysia. Usaha ini dibuat sejajar dengan perkembangan semasa arus globalisasi yang melanda masyarakat dunia hari ini yang secara khususnya mencabar identiti nasional serta keselamatan negara. Lebih menarik lagi perkara ini turut di tegaskan oleh para ilmuan seperti A. Giddens (1990), R. Robertson (1992) dan K. Ohmae (1995) bahawa arus globalisasi yang sedang melanda dunia kini turut mengandungi nilai universal yang bukan sahaja melampaui batasan geo-politik, tetapi juga merentasi pemikiran masyarakat dunia daripada pelbagai latar sosiobudaya.

NASIONALISME DAN PEMBANGUNAN POLITIK MALAYSIA

Umumnya di Malaysia, sama ada dalam aspek politik, ekonomi atau sosial, perspektif etnik adalah asas utama dalam setiap perbincangan. Pembangunan politik Malaysia banyak menonjolkan persaingan sosiopolitik antara tiga kelompok etnik yang utama – Melayu, Cina, India – di samping beberapa kelompok penduduk bumiputera di Semenanjung, Sabah dan Sarawak (Chamil Wariya, 1987; dan Kahn, 1991). Walaupun sudah setengah abad konsep perkongsian kuasa politik antara kaum diamalkan, dan pertumbuhan kelas pertengahan juga menggalakkan, namun identifikasi etnik masih kekal sebagai identiti sosial di kalangan kebanyakan masyarakat Malaysia (Means, 1990). Dalam konteks persekitaran yang berasaskan perkauman, kebanyakan parti politik yang wujud adalah berasaskan perkauman, iaitu memperjuangkan kepentingan kelompok atas kesedaran kelompok etnik tertentu. Keadaan ini secara implisitnya menempatkan etnik sebagai persoalan yang bersifat *center-stage* dalam perkembangan dan pembangunan politik Malaysia pasca-merdeka. Hal yang sedemikian rupa melahirkan keraguan sosiopolitik terhadap keupayaan Malaysia untuk membentuk suatu identiti bangsa dan atau *nasionalisme*² yang melampaui batasan etnik.

²*Nasionalisme* umumnya boleh ditakrif sebagai suatu bentuk kesedaran sosial sesebuah kumpulan atau kelompok masyarakat yang terkandung di dalamnya nilai, idea dan juga norma yang mengikat kesatuan individu dan anggota masyarakatnya. Kesedaran sosial ini termasuklah aspek ekonomi, politik dan juga kelangsungan (survival) sesebuah masyarakat di dalam sistem politik yang didiaminya. Ini jelas dapat dilihat daripada perbincangan beberapa sarjana terkenal dalam aspek nasionalisme seperti Benedict R.O'G. Anderson (1983). Beliau menjelaskan, nasionalisme merujuk kepada satu bentuk idea komuniti yang mendatar muncul di mana masyarakat tersebut mendapat identitinya melalui perkaitan dengan

Dari segi sejarah, nasionalisme kelompok yang terbentuk di kebanyakan negara membangun lahir dari proses kolonialisme (Anderson, 1983). Di Malaysia, umpamanya, kemajmukan dan pembentukan nasionalisme kelompok terhasil daripada dasar ekonomi politik penjajah British (1800-1940). Kaum Cina dan India

sesebuah kawasan geografi dan bahasa tertentu. Idea komuniti mendatar ini muncul, menurut beliau lagi, adalah kesan daripada kesengsaraan yang dialami dibawah sistem ekonomi kapitalis. Golongan yang mengalami kesengsaraan tersebut mencari jalan untuk membebaskan diri dari belenggu kesengsaraan ini, serta berusaha untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka dan melupakan masa lalu yang pedih dan sengsara. Hasrat pembentukan sebuah bangsa atau komuniti yang bebas dari kesengsaraan hidup mendominasi pemikiran mereka. Dari pandangan Benedict R.O'G. Anderson (1983), kita dapat menyimpulkan bahawa faktor-faktor berikut perlu wujud untuk membolehkan wujudnya sentimen nasionalisme adalah idea atau persepsi horisontal mengenai komuniti dan hasrat untuk mencapai kemajuan dan menghapuskan penderitaan. Persepsi komuniti yang mendatar (yang mempunyai sempadan geografi yang tertentu) memperkenalkan idea bahawa sesebuah bangsa diidentifikasi dengan kawasan geografi tertentu. Kedua, hasrat untuk kemajuan dan menghapuskan penderitaan manusia adalah sebenarnya definisi sejarah iaitu perjuangan manusia untuk mencapai tahap kebebasan dan kemajuan yang lebih tinggi. Oleh itu nasionalisme sebenarnya wujud akibat usaha untuk menempatkan sejarah ke dalam ruang geografi tertentu sehingga ruang geografi tersebut turut menjadi ruang sejarah. Dengan menekankan isu-isu seperti kebebasan, kemajuan dan hak sesebuah bangsa untuk mencapai pemerintahan sendiri, golongan nasionalis berusaha untuk memobilisasi manusia untuk melepaskan diri dari ikatan yang mengongkong kebebasan dan yang mengakibatkan kemunduran mereka. Mereka berpendapat kehadiran orang luarlah yang mengakibatkan penderitaan mereka. Manakala A.D. Smith (1986) menerangkan tentang hubungan kait diantara kesedaran (nasionalisme) etnik dengan pembentukan negara-bangsa. Bagi A.D. Smith (1986), kebangkitan kesedaran bangsa ini berpunca dari keinginan untuk mempertahankan survival sesuatu kumpulan etnik. Sementara E. Gellner (1983) pula menjelaskan bahawa untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara juga memerlukan kesedaran "kebangsaan". E. Kedourie (1960) melihat nasionalisme sebagai suatu bentuk ideologi sosial yang terkandung di dalamnya aspek atau nilai kesedaran. Dalam konteks negara sedang membangun pula, nasionalisme sebagai suatu bentuk ideologi sosial muncul secara dominan seiring dengan era kolonialisme dan imperialisme yang melanda masyarakat dunia ke-3, yang diistilahkan oleh Lucian W. Pye (1963) sebagai masyarakat bukan-Barat pada sekitar lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20. Nasionalisme yang muncul di kalangan masyarakat atau negara yang dijajah itu telah dijadikan suatu bentuk alat sosial dalam bentuk kelompok atau organisasi setempat (lokal) untuk tujuan penyatuan anggota masyarakat ke arah perjuangan sosiopolitik, dalam konteks ini, sebuah bangsa dan negara yang merdeka daripada belenggu penjajahan. Situasi ini dapat dilihat melalui bukti empirikal yang wujud di kebanyakan dunia ke-3. Di Malaysia, umpamanya, dalam proses tuntutan kemerdekaan antara tahun 1948 hingga 1957, nasionalisme telah dijadikan ideologi sosial yang menyatukan segala bentuk perjuangan kemerdekaan. Buktinya dapat dilihat daripada penubuhan UMNO (*United Malays National Organisation*), PERIKATAN, juga PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat) - AMCJA (*All-Malaya Council of Joint Action* atau Majlis Tindakan Bersama Se-Malaya), yang bertunjangkan kesedaran nasionalisme. Justeru, dapat kita fahamkan disini walaupun wujud perbezaan relatif di kalangan para sarjana atau ilmuan berhubung dengan pentakrifan nasionalisme, namun para ilmuan tersebut bersependapat secara konsensus bahawa nasionalisme adalah satu alat dan juga kesedaran yang penting bagi pembentukan sesebuah negara-bangsa. Hal ini turut didokong oleh sebilangan besar golongan nasionalis yang memperjuangkan pembentukan sebuah negara-bangsa bagi pengwujudan ciri-ciri identiti yang tersendiri dengan budaya yang seragam serta ekonomi yang adil.

di bawa masuk ke negara ini melalui sistem *kangany* dan *kang chu* sebagai buruh asing dalam sektor perlombongan dan perladangan yang giat dijalankan ketika itu. Kemasukan kaum Cina dan India secara sosiologinya bukan sahaja telah mengubah rupa bentuk struktur masyarakat di negara ini, tetapi juga telah melahirkan kesedaran kelompok yang amat tebal di kalangan masyarakat melalui dasar pecah dan perintah pihak penjajah. Dalam proses tuntutan kemerdekaan, kesedaran kelompok bukan sahaja telah dijadikan landasan perjuangan, tetapi juga sebagai matlamat utama rupa bentuk negara yang mereka perjuangkan (Funston, 1980). Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui tuntutan kemerdekaan yang diperjuangkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang diketuai Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ishak Haji Muhammad. Ketuanan Melayu turut diangkat menjadi cita-cita dalam usaha penubuhan negara Melayu-Raya bersama-sama Indonesia. Walaupun asas ideologi politik PKMM adalah sosialis (satu bentuk ideologi yang melampaui batasan kesedaran kelompok), namun kesedaran utama perjuangan PKMM bersifat kesedaran kelompok, iaitu Melayu (Ahmat Adam, 2007).

Walaupun dalam tempoh tuntutan kemerdekaan tersebut wujud kerjasama politik di antara kaum di negara ini, seperti pembentukan PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat) – AMCJA (*All-Malaya Council of Joint Action* atau Majlis Tindakan Bersama Se-Malaya), namun kerjasama tersebut tidak bertahan lama kerana kesan daripada kesedaran kelompok yang amat tebal itu (Cheah Boon Kheng, 1982; dan Ahmat Adam, 2007). Keadaan yang agak berlainan wujud dalam pembentukan PERIKATAN pada tahun 1952. Kerjasama politik di kalangan parti politik yang berlainan latar budaya ini kekal hingga sekarang (Barisan Nasional). Namun, kejayaan mengekalkan kerjasama politik tersebut amat bergantung pada faktor tolak-ansur dalam aspek kaum, iaitu asas kerjasama tersebut memperjuangkan kesedaran kelompok. Kesedaran kelompok dengan jelas begitu “hegemon” dan atas konsep kesedaran kelompok inilah kemerdekaan negara ini tercapai pada 31 Ogos 1957 (Chamil Wariya, 1987).

Era pasca merdeka memperlihatkan penerusan model yang sama oleh elit pemerintah dalam urusan pentadbiran dan proses politik di Malaysia. Dasar pemerintah pasca merdeka menonjolkan bentuk dasar yang bersifat kesedaran kelompok. Pendekatan pengurusan kenegaraan dan kemasyarakatan Malaysia antara 1957 hingga 1969 dibentuk berasaskan kerangka *quid-pro-quo*. Dalam kerangka tersebut

wujud suatu bentuk kesedaran kelompok pasca merdeka bahawa soal politik dan pentadbiran negara adalah milik kaum Melayu, manakala kaum Cina dan India mengurus aspek-aspek sosioekonomi. Kewujudan hak istimewa Melayu dan juga kedudukan kaum Cina dan India sebagai warga negara Malaysia juga berasaskan kerangka *quid-pro-quo* yang bersifat kesedaran kelompok tersebut (Case, 1996).

Dalam dua dekad pertama pasca merdeka, nasionalisme Malaysia tidak berjaya dibentuk secara kukuh, malah sesetengah pemerhati berpendapat masih belum terbentuk sehingga kini (Abdul Rahman Embong, 2006). Apa yang lebih ketara wujud ialah nasionalisme yang bersifat kelompok, iaitu nasionalisme berasaskan kepentingan kaum masing-masing seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain yang secara abstraknya adalah suatu bentuk nasionalisme yang boleh mengancam keutuhan dan kesepaduan Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa yang masih lagi dalam proses pembentukan. Hal ini banyak berkait rapat dengan orientasi politik pada waktu itu yang menonjolkan kesedaran kelompok sebagai *centre-stage* dalam pembangunan politik Malaysia. Keadaan ini secara tidak langsung melahirkan pandangan dan kenyataan yang bersifat "semi-negatif" bahawa masyarakat Malaysia, khususnya orang Melayu, keberatan untuk "meninggalkan" status istimewa mereka sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan. Usaha ke arah pembentukan nasionalisme yang melampaui batasan etnik hanya wujud dalam bentuk kosmetik sahaja (Mauzy, 1983). Walaupun dakwaan ini boleh disangkal dengan merujuk kepada bentuk perkongsiaan kuasa (permuafakatan politik) yang diamalkan sebagai suatu usaha ke arah pembentukan nasionalisme yang lebih luas, namun permuafakatan politik antara elit politik lebih bersifat kerjasama fizikal tanpa melibatkan pembentukan nilai, norma dan juga kesedaran yang bersifat bukan etnik (Kahn & Loh Kok Wah eds., 1992). Keutuhan permuafakatan politik itu pula, dalam banyak hal, amat bergantung pada persoalan survival dan kemajuan etnik sebagaimana yang dijelaskan terdahulu.

Walaupun bagaimanapun apa yang mungkin boleh disifatkan sebagai pencetus perubahan (daripada kerangka sosial yang bersifat nasionalisme kelompok kepada kesedaran nasionalisme yang lebih nasional bentuknya) ialah apabila pemerintah Malaysia mula melaksanakan dasar ekonomi-politik yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1971. Pada peringkat awal pengenalan dan pelaksanaan DEB, dasar ini dianggap oleh sesetengah pihak sebagai penghalang kepada pembentukan nasionalisme nasional

kerana disifatkan berat sebelah kepada kaum Melayu. DEB mempunyai dua matlamat ekonomi-politik, iaitu: (1) membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum; dan (2) menyusun semula masyarakat supaya dapat mengurangkan dan akhirnya menghapuskan identifikasi atau pengenalan sesuatu kaum menurut kegiatan ekonomi (pekerjaan) dan/atau tempat kediaman mereka (bandar atau luar bandar). DEB yang berakhir pada tahun 1990 di ganti dengan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), yang juga mempunyai matlamat yang sama seperti DEB tetapi dengan pendekatan yang berbeza. Dari perspektif ekonomi-politik, kedua-dua dasar ini mempunyai nilai sepunya, iaitu dasar yang bertunjangkan nilai dan norma kapitalisme sebagaimana yang wujud di peringkat global (Jamaie Hamil, 2005).

Selain berjaya mengembangkan kelas pemodal Malaysia, DEB juga berhasil secara tidak langsung mengubah pandangan dunia (*world view*) masyarakat Malaysia dari sifat kelompok etnik kepada yang bersifat kelompok Malaysia; dan ini terjelma dalam setiap aspek kehidupan bernegara dan bermasyarakat di Malaysia, khususnya dalam aktiviti ekonomi. Interaksi ekonomi-politik yang terjalin antara pelbagai kelompok etnik di Malaysia dalam kerangka DEB—dengan kapitalisme sebagai nilai asasnya—telah membentuk suatu kelompok masyarakat Malaysia yang melampaui sempadan etnik (Means, 1990).

Maka, dapat kita kutip di sini bahawa kesedaran Malaysia atau kesedaran nasional yang merentas kesedaran etnik atau kelompok amat penting dalam konteks Malaysia yang terdiri dari pelbagai masyarakat yang mempunyai latar budaya, agama dan bahasa yang begitu rencam. Kepentingan ini menjadi bertambah diperlukan dalam era globalisasi yang memperlihatkan pelbagai perkembangan yang kompleks yang telah dan turut mengancam survival negara-bangsa sebagai satu unit politik, dan Malaysia tidak terkecuali dari ancaman ini. Dalam era globalisasi, konsep sempadan dan keselamatan negara-bangsa adalah antara fokus utama yang menjadi agenda setiap unit politik mempertahankannya. Keutuhan sempadan dan keselamatan dalam era globalisasi bukan hanya boleh digantung harap kepada ketumbukan ketenteraan semata-mata. Ini kerana ketenteraan hanya bertindak sebagai penampakan sempadan dan keselamatan fizikal sahaja. Dengan konsep sempadan dan keselamatan yang semakin luas maknanya dalam era globalisasi, kesedaran nasional atau nasionalisme Malaysia dilihat memainkan peranan yang sentral dalam menjamin keutuhan Malaysia sebagai unit politik, khususnya

masyarakat atau komuniti yang mendiami di kawasan garis sempadan (Milne & Ratnam, 1974; dan Jomo ed., 1999). Justru amat penting untuk kita meneliti apakah bentuk nasionalisme yang wujud di kalangan komuniti sempadan di negara ini. Adakah ianya bersifat nasionalisme nasional? Atau nasionalisme kelompok? Atau nasionalisme yang bagaimana? Pertanyaan dan persoalan ini akan dijelaskan dalam perbincangan selanjutnya.

KAMPUNG BANTUL DAN FENOMENA NASIONALISME SEMPADAN

Sebelum saya mengupas persoalan di atas adalah lebih baik kita memahami terlebih dahulu interaksi sosial yang wujud di antara komuniti Murut di Kampung Bantul³ dengan komuniti Murut di

³Dari segi geografi, Kampung Bantul terletak di Bahagian Pendalaman (*Interior Division*) Sabah. Kawasan Pendalaman Sabah adalah salah satu kawasan pentadbiran yang meliputi atau merangkumi kawasan seluas 18,298 kilometer persegi, yang mana sebahagian daripada bahagian pendalaman ini bersempadan dengan negeri Sarawak di barat dan juga dengan negara Indonesia di bahagian barat-selatangnya. Dengan kawasan seluas 18,298 kilometer persegi tersebut bahagian pendalaman Sabah ini mempunyai 24.9 peratus kawasan sempadan negeri Sabah dengan kadar jumlah penduduk Sabah sebanyak 14.7 peratus. Secara khususnya, Kampung Bantul terletak di bawah kawasan pentadbiran Daerah Nabawan, Bahagian Pendalaman. Dalam erti kata lain, bandar Nabawan adalah bandar pentadbiran dan juga perkhidmatan bagi penduduk di daerah Nabawan. Duduk letak kampung ini (Bantul) adalah di *siring* (bahasa tempatan merujuk kepada di tepi atau di pinggir) Sungai Logongon. Kampung Bantul merupakan kawasan perkampungan rumah panjang komuniti Murut yang bersempadan atau kampung terakhir komuniti Murut Malaysia di sepanjang *siring* sungai Logongon yang berpanjangan hingga ke dalam kawasan negara Indonesia. Dalam erti kata lain Kampung Bantul bersempadan dengan Kampung Sumantipal, iaitu perkampungan komuniti Murut, Indonesia. Jarak perjalanan dengan menggunakan bot atau perahu panjang diantara kedua kampung ini memakan masa 15 hingga 20 minit. Untuk sampai ke kampung Bantul daripada bandar Nabawan memakan masa antara 5 hingga 6 jam perjalanan yang meliputi perjalanan kenderaan darat dan juga air. Perjalanan dari bandar Nabawan ke kampung Salung mengambil masa 2 jam melalui perjalanan darat berturap sepanjang 4 kilometer dan jalan balak sejauh 10 kilometer. Dari kampung Salung perjalanan untuk ke kampung Bantul diteruskan dengan menggunakan perkhidmatan bot panjang meredah jeram sungai Logongon selama 3 jam. Walau bagaimanapun, menurut penduduk setempat, jarak masa perjalanan antara 5 hingga 6 jam ini amat bergantung kepada keadaan cuaca. Sebagai contoh, perjalanan dari bandar Nabawan ke kampung Bantul pada musim hujan boleh memakan masa 8 hingga 10 jam. Di sepanjang sungai Logongon bermula daripada kampung Salung di sebelah utara sehinggalah ke kampung Bantul di sebelah selatan terdapat 14 buah perkampungan rumah panjang komuniti Murut. Di antara 14 buah perkampungan tersebut, perkampungan Pagalungan merupakan kawasan perkampungan rumah panjang yang paling besar. Kawasan perkampungan ini dilengkapi dengan Pondok Polis atau Pos Polis Pagalungan dengan jumlah anggotanya seramai 3 orang dengan diketuai oleh seorang anggota Polis berpangkat Koperai, Pos Imigresen Pagalungan dengan seorang pegawai, Pusat Kesihatan Kecil, pejabat wakil ketua anak negeri dan sebuah sekolah rendah. Majoriti penduduk atau perkampungan rumah panjang komuniti Murut di sepanjang sungai Logongon bergantung kepada aktiviti pertanian seperti penanaman padi bukit, bercucuk tanam, berburu dan juga

sekitarnya, iaitu di sepanjang sungai Logongon dan juga komuniti yang berada di sepanjang *siring* sungai Logongon di sebelah negara Indonesia. Perkara ini amat penting untuk kita fahami bagi memudahkan kita mengenal pasti apakah bentuk nasionalisme yang wujud dalam konteks komuniti di sempadan, dalam konteks kajian ini ialah komuniti Murut, Kampung Bantul.

menangkap ikan sebagai punca utama pendapatan mereka. Ini bermakna alam sekitar merupakan ruang ekonomi yang cukup sinonim dengan komuniti ini dan hubungannya amat simbiosis. Hasil daripada aktiviti pertanian tersebut digunakan untuk sara diri dan selebihnya dijual. Aktiviti yang bersifat komersial begitu minimum di kalangan penduduk di kawasan ini. Dalam erti kata lain kegiatan ekonomi yang bersifat *cash money* adalah terhad dan sekiranya datang peluang ekonomi yang bersifat *cash money*, komuniti ini akan “memanipulasi” sebaik mungkin. Dari sudut sejarah, kawasan perkampungan di sepanjang sungai Logongon ini sudah wujud semenjak daripada turun temurun lagi. Dari temubual saya dengan ketua rumah panjang kampung Bantul, iaitu En Elap bin Garing, beliau menyatakan kepada saya bahawa perkampungan Murut di sepanjang sungai Logongon ini adalah kawasan perkampungan yang dibina oleh datuk-nenek mereka dan ianya diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Dalam erti kata lain setiap satu kawasan perkampungan yang wujud di sepanjang sungai Logongon tersebut adalah hak warisan setiap keluarga rumah panjang dan ianya dipertanggung jawab kepada individu yang dipilih untuk mengetuai rumah panjang tersebut yang dikenali sebagai orang tua. Dari sudut perwakilan politik, kawasan perkampungan komuniti Murut di sepanjang sungai Logongon ini diwakili di bawah kawasan parlimen Pensiangan (P.182) yang diwakili oleh wakil rakyat dari pakatan politik Barisan Nasional iaitu YB. Tuan Bernard S. Maarat dari Parti Barisan Bersatu Rakyat Sabah (PBBRS). Kawasan parlimen Pensiangan mengandungi dua kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Dewan Undangan Negeri Sook (N.37), yang diwakili oleh YB Tan Sri Joseph Kurup (PBRs) dan Dewan Undangan Negeri Nabawan (N.38) yang diwakili oleh YB Tuan Bobby Ahfang Suan dari parti UPKO yang juga ahli komponen pakatan Barisan Nasional. Kawasan parlimen Pensiangan mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 18,075 orang, yang mana 16.79 peratus adalah terdiri daripada pengundi bumiputera Islam, 81.15 peratus adalah pengundi bumiputera bukan-Islam, masyarakat Cina 1.93 peratus dan lain-lain 0.13 peratus. Secara terperinci pula Dewan Undangan Negeri Sook jumlah pengundi adalah seramai 11,332 iaitu pengundi Bumiputera-Islam adalah seramai 15.52 peratus, Bumiputera-bukan Islam 82.01 peratus, Cina 2.3 peratus dan lain-lain 0.11 peratus. Manakala di Dewan Undangan Negeri Nabawan pula jumlah pengundi adalah seramai 6,743 orang yang mana pengundi bumiputera-Islam membentuk 18.9 peratus, bumiputera-bukan Islam 79.58 peratus, Cina 1.29 peratus dan lain-lain 0.15 peratus. Daripada gambaran statistik perwakilan dan pengundi politik di Bahagian Pendalaman Sabah, ia jelas menunjukkan kepada kita bahawa pengundi bumiputera-bukan Islam membentuk jumlah pengundi majoriti di kawasan ini. Rata-rata pengundi bumiputera-bukan Islam di bahagian ini adalah terdiri daripada komuniti Murut yang mendiami di sekitar bandar Nabawan, Pensiangan, Sook dan juga Tenom; dan komuniti Kadazan yang meliputi kawasan Keningau, Tambunan dan juga Tenom. Daripada penjelasan di atas, Kampung Bantul terletak di bawah kerusi Dewan Undangan Negeri Nabawan (N.38) dan sebagaimana yang kita sedia maklum daripada perbincangan yang terdahulu, N.38 Nabawan ini majoriti pengundinya adalah komuniti Murut. Kerusi Dewan Undangan Negeri Nabawan diwujudkan semenjak persempadanan kawasan pilihanraya diadakan di Sabah pada tahun 1964. Kewujudan kerusi ini secara tidak langsung menyediakan ruang politik perwakilan kepada komuniti Murut di sepanjang sungai Logongon untuk mempraktikkan politik demokrasi mereka dan dengan itu juga membolehkan mereka mempunyai seorang wakil rakyat atau wakil politik bagi menyuarakan hak dan kepentingan komuniti ini diperingkat pemerintah. Kampung Bantul, sebagaimana yang telah dijelaskan

Asas pemahaman terhadap perkara di atas adalah aspek budaya. Perlu di perelaskan di sini bahawa komuniti Murut yang mendiami di sepanjang *siring* (tepi atau pinggir) sungai Logongon bermula daripada Kampung Salung di sebelah utara sehinggalah ke bahagian paling selatan sungai tersebut memasuki ke bahagian sempadan Indonesia, iaitu di Kampung Sumantipal, adalah terdiri dari satu komuniti Murut yang mempunyai pertalian saudara atau darah semenjak sekian lama. Malah bermula dari Kampung Salung sehinggalah ke perkampungan Murut di Sumantipal di sebelah Indonesia, di kalangan kaum atau komuniti Murut ianya dianggap

secara ringkas di atas, adalah perkampungan rumah panjang komuniti Murut Malaysia yang bersempadan dengan perkampungan komuniti Murut Indonesia, iaitu Kampung Sumantipal. Perkampungan ini [baca: Bantul] berjumlah seramai 180 orang ahli yang terdiri daripada 19 buah keluarga. Kampung ini diketuai oleh En. Elap Garing yang merupakan orang tua bagi rumah panjang kampung Bantul. Rumah panjang ini dibina berasaskan kepada struktur kayu yang beratapkan *zing* yang menganjur secara selari mengikut arah aliran sungai Masalong, seumpama berek penginapan tentera atau rumah kediaman polis. Rumah panjang ini mempunyai di jaluran iaitu Jaluran Utara dan Jaluran Selatan. Jaluran Utara adalah jaluran hilir yang mempunyai 9 bilik atau 9 keluarga, manakala Jaluran Selatan menempatkan 10 bilik atau 10 keluarga. Jalur Utara dan Jalur Selatan dihubungkan oleh ruang pertemuan atau ruang tamu yang bersaiz 20 kaki persegi. Ruang ini berfungsi sebagai kawasan atau bahagian rumah panjang menerima tetamu, bermesyuarat atau melakukan sesuatu upacara keramaian, dalam erti kata lain ruang ini merupakan ruang interaksi sosial sesama ahli dan juga dengan individu atau kelompok yang bukan ahli rumah. Dari sudut kelengkapan, rumah panjang kampung Bantul ini dilengkapi dengan kemudahan elektrik yang diperolehi secara hidro air yang dibina dengan bantuan *United Nation Development Project* (UNDP) semenjak tahun 2004. Rumah panjang ini juga menikmati siaran televisyen menggunakan perkhidmatan satelit ASTRO. Ini bermakna, berasaskan dari pemerhatian saya, majoriti ahli rumah panjang kampung Bantul ini terdedah kepada pelbagai maklumat dan siaran yang bersifat global. Rumah panjang kampung Bantul ini juga mempunyai sebuah gereja-Anglikan yang diketuai oleh seorang poster bagi mendidik dan meningkatkan kefahaman masyarakat Murut di Kampung Bantul ini dengan ajaran Kristian. Dari sudut pendidikan, rata-rata anak-anak komuniti Murut di kampung Bantul ini hanya berpendidikan sehingga ke tahap 6 asas sahaja, iaitu bertujuan untuk mereka boleh mengenal huruf dan tahu membaca. Selepas tahap 6 asas majoriti anak-anak ini akan meneruskan kegiatan mereka dengan melakukan kerja-kerja yang disuruh oleh orang tua mereka seperti menangkap ikan, memburu dan menanam padi. Dalam erti kata lain mereka ini diberikan pendidikan dengan tujuan untuk meneruskan tugas-tugas yang bakal ditentukan oleh golongan tua. Sebagaimana juga dengan komuniti Murut lain yang mendiami di sepanjang sungai Logongon, komuniti Murut Kampung Bantul juga amat bergantung kepada aktiviti pertanian sebagai punca utama pendapatan mereka. Penanaman padi bukit adalah tanaman utama mereka, selain daripada kegiatan memburu dan menangkap ikan. Mereka juga turut menternak ayam bagi keperluan untuk telur. Pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti pertanian tersebut secara umumnya digunakan untuk keperluan sara diri dan harian mereka dan selebihnya di jual ke pasar berdekatan seperti di Pagalungan dan juga bandar Nabawan. Hasil pendapatan yang diperolehi daripada penjualan hasil pertanian, mereka gunakan untuk membeli barang keperluan asasi yang lain seperti gula, susu dan makanan rui yang lain. Mereka memperoleh barang keperluan asas yang lain daripada pekan atau perkampungan Murut di sebelah Indonesia dengan harga yang jauh lebih murah dengan harga barangan asasi di sebelah Malaysia.

Peta 1:
Sempadan Antarabangsa dan Kedudukan Kawasan Kajian
(Petempatan Komuniti Persempadanan Sabah-Kalimantan)



sebagai *kawasan Murut* atau *daerah Murut*. Cara hidup dan juga tingkah laku komuniti Murut di kedaerahan ini adalah sama, tidak mempunyai satu perbezaan gaya hidup yang begitu ketara.

Maka sebab itulah, menurut En. Elap Garing, sehingga kini masih wujud perkahwinan budaya antara komuniti Murut-Malaysia dengan komuniti Murut-Indonesia, yang digelar oleh mereka sebagai *kahwin-Murut*. Perkahwinan cara Murut ini amat digalakkan di kalangan komuniti dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi ikatan kekeluargaan atau *exprit-de-corp* sesama mereka, apatah lagi komuniti itu kini dipisahkan oleh garis sempadan negara-bangsa, iaitu batas Malaysia dan batas Indonesia. Justru, menurut mereka lagi, bagi memastikan ikatan Murut terus kekal dan berkembang di kalangan generasi baru yang terpisah oleh garis sempadan negara-bangsa, perkahwinan Murut merupakan antara kaedah yang paling berkesan dipraktikkan.⁴

⁴Di rumah panjang Murut Kampung Bantul sahaja terdapat 3 orang ahli yang berasal dari komuniti Murut sebelah Indonesia yang berkahwin dengan wanita Murut Kampung Bantul. Dua daripada mereka adalah ipar kepada En. Elap Garing. Kahwin Murut merujuk kepada adat perkahwinan Murut yang menggunakan "tempayan" warisan sebagai simbolik hantaran perkahwinan. Fungsi tempayan amatlah "suci" di kalangan masyarakat atau komuniti Murut.

Melalui perkahwinan Murut ini secara tidak langsung juga dapat meningkatkan hubungan sosial di antara Murut-Malaysia dan juga Murut-Indonesia. Misalnya, di kalangan Murut-Malaysia mereka sering melakukan kunjungan keluarga terhadap sanak-saudara Murut-Indonesia, dan ini termasuklah komuniti Murut kampung Bantul juga sering melakukan kunjungan kekeluargaan terhadap sanak-saudara mereka di sebelah Indonesia, demikian juga sebaliknya. Secara jujur, mereka menyatakan apabila sesuatu perjalanan kunjungan hendak dilakukan oleh mereka ke sebelah Indonesia, sering mereka lakukan tanpa menggunakan dokumen perjalanan yang sah atau rasmi. Apabila diajukan soalan apakah mereka tidak merasa khuatir melakukan perjalanan ke sempadan Indonesia tanpa dokumen perjalanan yang khusus, mereka menyatakan bahawa kekhawatiran tersebut ada namun perasaan atau sentimen bahawa ini adalah *daerah Murut* mengatasi perasaan kekhawatiran tersebut.⁵

Dan menurut mereka lagi, konsep *daerah Murut* ini nampaknya difahami secara baik oleh pihak berkuasa Indonesia yang tidak pernah memeriksa atau melakukan pertanyaan tentang perjalanan yang dilakukan. Jika pun ditanya, menurut En. Elap Garing lagi, mereka akan menyatakan atas tujuan kekeluargaan dan keagamaan. Selain daripada itu, menurut mereka lagi, kedudukan pos Imigresen Malaysia di Kampung Pagalungan yang mengambil masa 2-3 jam perjalanan ke sebelah utara, secara birokrasinya menyukarkan mereka untuk melakukan sesuatu permohonan rasmi dokumen perjalanan, apatah lagi kiranya kunjungan yang bakal dibuat itu bersifat kecemasan atau keperluan segera yang mendesak atau juga terpaksa dilakukan secara tiba-tiba.⁶ Berbanding dengan pihak imigresen Indonesia, menurut mereka lagi, adalah terletak 50 meter daripada garis sempadan antara Malaysia dan Indonesia di *siring* sungai Masalongan. Ini bermakna pergerakan Murut-Indonesia ke sebelah Malaysia adalah lebih “teratur” berbanding pergerakan Murut-Malaysia ke sebelah Indonesia.⁷

⁵Temubual dengan En. Elap Garing dan kelompok dewasa rumah panjang Murut Kampung Bantul, 11hb September 2006.

⁶Hal ini saya perhatikan ada logiknya alasan yang diberikan oleh En. Elap Garing dan ahli rumah panjang beliau. Perjalanan ke pos imigresen Malaysia di Pagalungan mengambil masa antara 2-3 jam perjalanan bot yang melibatkan penggunaan minyak bot yang agak mahal. Apatah lagi sifat dan kedudukan komuniti Murut di sini yang bertaraf “kekurangan *cash-money*” yang kritikal.

⁷Dalam persoalan ini timbul di pemikiran pengkaji apakah sebilangan besar komuniti Murut-Malaysia ini mempunyai dual-nasionaliti sehingga menyebabkan mereka tidak khuatir melakukan perjalanan ke sebelah Indonesia tanpa dokumen perjalanan yang sah? Persoalan ini terpancar dalam fikiran saya kerana fenomena dual-nasionaliti adalah suatu yang normal

Secara sosiologinya, apabila kita membicarakan tentang nasionalisme di kalangan komuniti di sempadan dan cuba mengaitkan pula apakah pengenalan identiti politik mereka, maka kita akan berhadapan dengan pelbagai bentuk konsep sosiologi dan yang paling asas ialah budaya sempadan (*border culture*) ataupun diistilahkan juga sebagai *the border way of life*; selain kita juga akan menemukan apa yang disebut sebagai *national border identity*; kita juga akan berhadapan dengan imej *transnational border identity*.⁸

Kewujudan imej-imej tersebut memerlukan satu pemerhatian yang berhati-hati agar tidak berhadapan dengan persoalan melanggar etika penyelidikan. Situasi di kampung Bantul agak sedikit berbeza dengan situasi yang pernah saya teliti di sempadan Rantau Panjang, Kelantan dan Sungai Golok di Thailand. *Pertama*, kampung Bantul adalah sebuah perkampungan sempadan di kawasan pendalaman, iaitu akses ke kampung hanyalah melalui jalan air atau sungai sahaja; berbanding dengan situasi Rantau Panjang-Golok yang bersifat sempadan bandar dan akses adalah pelbagai, sama ada darat atau air serta begitu moden. *Kedua*, situasi di kampung Bantul (Malaysia) dengan kampung Sumantipal (Indonesia) adalah interaksi sempadan yang bersifat "sesama kalangan komuniti Murut" yang dipisahkan oleh sempadan negara-bangsa; manakala di sempadan Rantau Panjang - Sungai Golok, interaksi bersifat melangkaui satu bentuk etnik atau komuniti, iaitu wujud interaksi sempadan yang rencam seperti antara etnik Melayu - Thai, Cina (Malaysia) - Thai, Melayu (Malaysia) - Melayu (Thailand), dan juga Cina (Malaysia) - Melayu (Thai).

Imej budaya sempadan amat jelas wujud di kalangan komuniti di kedaerahan ini, interaksi sosial yang diperkukuhkan dengan perkahwinan Murut, keraian dan keramaian adat yang sering disambut oleh mereka menambah kukuhkan lagi budaya sempadan ini. Budaya sempadan ini yang diasaskan oleh nilai dan adat-istiadat masyarakat Murut telah membentuk satu jaringan hubungan yang harmoni di kalangan Murut-Malaysia dengan Murut-Indonesia, apatah lagi mereka sebenarnya dari satu komuniti etnik yang sama.

di kalangan penduduk di sempadan, misalnya dalam penelitian saya di komuniti sempadan Malaysia (Rantau Panjang, Kelantan di sepanjang Sungai Golok) dan Thailand wujudnya dual-nasionaliti.

⁸Imej-imej yang sama juga ditemui oleh Oscar J. Martinez, Profesor sejarah di University of Arizona dalam kajian beliau berhubung dengan identiti politik di kalangan komuniti sempadan di sempadan Texas-Mexico. Imej-imej yang sama juga saya perhatikan dalam penelitian saya terhadap komuniti sempadan Rantau Panjang-Golok di Semenanjung Malaysia pada tahun 2000.

Justru, kewujudan budaya sempadan ini telah mewujudkan situasi dan suasana yang harmoni di sempadan Bantul (Malaysia) dan Sumantipal (Indonesia). Ini dibuktikan melalui pengakuan yang diceritakan kepada saya oleh ahli rumah panjang kampung Bantul, bahawa di antara Murut-Malaysia dan Murut-Indonesia tidak wujud konflik sesama mereka ataupun perasaan curiga kesan daripada ketegangan politik (*political tension*) yang wujud diantara kerajaan Malaysia dan Indonesia terhadap sesuatu isu.

Misalnya, menurut mereka, sewaktu ketegangan antara Malaysia-Indonesia berhubung dengan isu Ambalat, tidak ada satu bentuk kecurigaan politik antara mereka [baca: Murut-Malaysia dan Murut-Indonesia], walhal ketegangan tersebut telah menimbulkan protes yang besar rakyat Indonesia di Jakarta terhadap kerajaan Malaysia. Demikian juga sewaktu kes Pulau Sipadan dan Ligitan, juga tidak wewujudkan apa-apa kecurigaan politik sesama mereka. Ini menunjukkan kepada kita bahawa budaya sempadan yang wujud telah melampaui (*transcend*) sebarang bentuk konflik yang boleh mengugat kestabilan sempadan di antara kedua buah negara.

Budaya sempadan yang terbentuk ini adalah sebenarnya “baru” bagi komuniti Murut yang tinggal di *daerah Murut* ini. Budaya sempadan hanya mula terbentuk apabila pembentukan Malaysia, iaitu gabungan unit politik Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah ke dalam gagasan Malaysia pada 16hb September 1963. Pembentukan Malaysia secara tidak langsung telah membahagi dua *daerah Murut* ini, yang kemudiannya memunculkan konsep budaya sempadan. Kemunculan konsep budaya sempadan seolah-olah semacam menghakis kesepaduan *daerah Murut*, namun sebenarnya budaya sempadan yang wujud tersebut adalah kelangsungan daripada budaya Murut yang sememangnya telah wujud semenjak sekian lama di *daerah Murut* tersebut. Bermakna dalam konteks ini bahawa budaya sempadan yang terdapat di sempadan kampung Bantul (Malaysia) dengan kampung Sumantipal (Indonesia) adalah bersifat simbiosis, iaitu budaya sempadan adalah budaya Murut dan sebaliknya.

Apakah kesannya kewujudan budaya sempadan atau budaya Murut ini terhadap keutuhan nasionalisme Malaysia amnya dan pembentukan identiti nasional khususnya? Persoalan ini saya perhatikan mempunyai kontradiksi yang menarik untuk dianalisis. Sebagaimana yang dibincangkan di atas, kewujudan budaya sempadan / budaya Murut, seolah-olah memberi gambaran kepada

kita bahawa komuniti Murut ini begitu tertonjol oleh budaya kelompok mereka berbanding dengan budaya nasional. Dalam erti kata lain, kesedaran dan nilai mereka adalah *Murudik*. Namun, apabila saya mengajukan tentang persoalan nasionalisme, khususnya tentang aspek jati diri, *sense of belonging*, kesetiaan, kesedaran berpolitik, maka mereka, khususnya En. Elap Garing, memulakan reaksi dengan menceritakan tentang sumbangan komuniti Murut-Malaysia sewaktu era konfrontasi Malaysia-Indonesia tahun 1964.

Menurut En. Elap Garing, bapa beliau iaitu Garing pada era 1960-an adalah ketua kepada komuniti Murut di daerah sempadan, justru sewaktu konfrontasi Malaysia-Indonesia, bapa beliau telah turut bersama-sama membantu tentera Malaysia mengawasi batas sempadan Malaysia-Indonesia daripada sebarang ancaman musuh. Pengaruh bapa beliau dalam komuniti Murut tersebut telah memberi semacam satu kelebihan kepada pihak Malaysia. Jasa bapa beliau kepada negeri Sabah khususnya dan Malaysia amnya bukan sahaja pada era konfrontasi, malah lebih awal daripada itu sewaktu pendudukan Jepun di Sabah yang mana bapa beliau turut sama terlibat membantu tentera Australia dan New Zealand menentang penjajahan Jepun di Sabah, khususnya di kawasan pendalaman. Jasa bapa beliau itu telah diiktiraf oleh kerajaan Sabah sehingga beliau dianugerahkan dengan pingat jasa bakti oleh kerajaan negeri Sabah pada tahun 1970-an dan kisah perjuangan beliau itu turut dibukukan sebagai salah satu bentuk perjuangan nasionalisme masyarakat Sabah.⁹

Justru, menurut En. Elap Garing, dari sudut nasionalisme atau kesedaran jati diri, komuniti Murut-Malaysia amat berbangga menjadi sebahagian daripada rakyat Malaysia. Ini bermakna disebalik budaya sempadan / budaya Murut yang kuat bertapak di *daerah Murut* tersebut, komuniti Murut-Malaysia pada masa yang sama sedar dan amat jelas bahawa identiti nasional mereka adalah warga Malaysia. Kesedaran ini [identiti nasional] saya perhatikan diluahkan atau diekspresikan oleh mereka melalui simbol. Sepanjang perjalanan saya [ketika melakukan kerja lapangan] dari Kampung Salung ke

⁹Sewaktu temubual ini dijalankan, En. Elap Garing menunjukkan kepada kami pingat jasa bakti yang diperolehi oleh bapanya serta gambar bapa beliau, iaitu Garing yang meninggal pada usia 83 tahun akibat sakit tua. En. Elap Garing sewaktu menceritakan sumbangan bapa beliau ini begitu bangga sekali dengan menunjukkan reaksi yang penuh bersemangat. Apa yang jelas saya dapat perhatikan bahawa beliau dan komuniti Murut yang lain amat bermegah dengan apa yang telah dilakukan oleh Garing.

Kampung Bantul yang memakan masa 3 jam itu, di sepanjang *siring* sungai yang menempatkan perkampungan rumah panjang Murut-Malaysia, mereka kibarkan bendera Malaysia dan juga bendera negeri Sabah. Bermakna melalui kibaran, *simbol* mereka menyatakan bahawa “*kami adalah rakyat Malaysia negeri Sabah*”. Ini menunjukkan di sebalik kewujudan *budaya sempadan / budaya Murut*, komuniti Murut-Malaysia [secara sedarnya] melalui kewujudan garis sempadan yang bersifat empirikal [iaitu Malaysia & Indonesia], bahawa mereka dalam gagasan kemasyarakatan dan kenegaraan yang lebih besar adalah warganegara Malaysia. Dan kewarganegaraan itu terserlah sekali melalui perbualan dan perbincangan saya dengan mereka tentang isu-isu semasa sosio-politik di Malaysia.¹⁰ Mereka nampaknya mengikuti dan begitu prihatin sekali tentang perkembangan isu-isu semasa negara.

Hal yang sama juga wujud dalam konteks Murut-Indonesia di perkampungan Semendapi, *budaya sempadan / budaya Murut* adalah satu bentuk budaya yang bersifat *culture of intent* yang telah sekian lama bertapak di dalam kerangka minda masyarakat atau komuniti Murut di kedaerahan ini. Kemunculan konsep negara-bangsa telah menuntut komuniti ini untuk menyerap *culture of intent*, iaitu *budaya sempadan / budaya Murut* supaya disesuaikan dengan geo-politik moden. Misalnya, di setiap rumah Murut-Indonesia Kampung Sumantipal, pihak pemerintah Indonesia mewajibkan mereka untuk menggantung gambar pemimpin negara iaitu gambar Presiden dan juga Wakil Presiden. Dan arahan ini dipatuhi oleh setiap unit rumah.¹¹ Langkah ini, daripada pemerhatian pengkaji, sebagai satu proses sosialisasi politik intelektual masyarakat melalui simbol-simbol negara (Lijphart, 1969; Vorys, 1975; dan Mauzy, 1995). Ini diperkukuhkan pula melalui kefasihan komuniti Murut-Indonesia berbahasa kebangsaan Indonesia.

Justru, daripada pemerhatian pengkaji, nasionalisme yang wujud di sempadan Malaysia-Indonesia ini [baca: Bantul-Semendapi dan kawasan sekitarnya] adalah bersifat *janus*, iaitu dua-wajah. *Pertama*,

¹⁰Hal-hal semasa yang kami membincangkan mencakupi perkembangan politik semasa negara, isu ekonomi dan juga isu sosial seperti pendidikan negara, masalah remaja dan juga persoalan pembangunan di negeri Sabah.

¹¹Konsep perkampungan Murut-Indonesia tidak lagi berkonsepkan “rumah-panjang” sebagaimana perkampungan Murut-Malaysia. Pemerintah Indonesia secara teknikalnya tidak lagi menggalakkan kewujudan rumah sedemikian. Temubual dengan Ketua Kampung Murut-Sumantipal, Bibian Asjal, di Provinsi Kalimantan Timur, Indonesia, pada 10hb September 2006.

adalah identiti kelompok yang digarap oleh faktor *ke-Murut-an* yang dijemakan melalui konteks sosial yang mereka lakukan sesama mereka melalui aktiviti harian dan juga ritual budaya. *Kedua*, identiti nasional, yang wujud secara sedar melalui konsep negara-bangsa bahawa mereka kini telah dipisahkan oleh sempadan geo-politik yang memunculkan konsep Murut-Malaysia dan Murut-Indonesia.

Maka, apakah perkaitan serta kesannya terhadap isu-isu di sempadan? Hal ini perlu pula kita fahami melalui lensa konsep sempadan itu sendiri. Dalam konteks kehidupan bernegara dan bermasyarakat yang berasaskan kepada negara-bangsa, sempadan adalah salah satu elemen yang penting kepada konsep kehidupan tersebut. Malah, sempadan adalah merupakan salah satu kepentingan nasional yang dipertahankan dalam apa jua keadaan sekalipun. Dalam hal ini masyarakat di sempadan adalah merupakan entiti yang penting dalam konteks keselamatan sempadan. Masyarakat sempadan, secara umumnya, mempunyai identiti *janus*; dan ini telah dibuktikan dalam banyak kajian yang dilakukan berhubung dengan masyarakat yang mendiami garis sempadan. Mereka boleh bersifat sebagai *buffer* atau *a gate way* kepada pihak musuh. Hal ini bergantung sekali kepada identiti *janus* tersebut, iaitu identiti mana yang lebih menonjol? Sekiranya identiti budaya yang lebih menonjol, secara keselamatannya ia boleh membahayakan keutuhan integriti sesebuah negara (Cummning & Wise, 1985). Ambil contoh komuniti Kurdish yang mendiami sempadan Iraq-Turki, telah dijadikan sebagai salah satu *a gate way* pihak Amerika Syarikat dalam usaha mereka untuk menghancurkan regim Saddam Hussein di negara tersebut pada tahun 2003. Komuniti Kurdish yang mendiami di kawasan sempadan Iraq-Turki tersebut lebih tertonjol identiti budaya mereka, iaitu keinginan mereka untuk menubuhkan sebagai negara yang bersifat *the Kurdish State*.

Dalam erti kata lain fenomena kewujudan identiti *janus* di sempadan adalah sesuatu fenomena yang negatif kepada keselamatan dan integriti negara. Untuk itu, sebagai langkah yang bersifat *pre-emptive* kepada isu-isu yang berkaitan dengan sempadan, perlu kepada proses pengukuhan identiti nasional bagi mengimbangi identiti budaya di sempadan. Bagaimana proses ini boleh dilakukan?

Pertama, melalui proses struktural iaitu dengan mewujudkan satu lagi kerusi Dewan Undangan Negeri di kawasan Parlimen Pensiangan. Buat masa ini, sebagaimana yang telah dimaklumkan diawal perbincangan, parlimen Pensiangan hanya mempunyai dua

kerusi Dewan Undangan Negeri, iaitu Sook dan Nabawan. Perkampungan Murut Bantul di wakili oleh kerusi DUN (Dewan Undangan Negeri) Nabawan. Oleh kerana kedudukan kampung Bantul yang jauh ke pendalaman sungai Masalongan, keprihatinan wakil rakyat terhadap masalah mereka nampaknya agak terpinggir atau mungkin *over-look* oleh wakil rakyat yang mewakili mereka (Dahl, 1973). Misalnya, menurut orang-tua rumah panjang Bantul, dalam tahun ini [2006] wakil rakyat DUN Nabawan tidak pernah datang “menjenguk” mereka, atau dalam istilah popular sekarang *tidak turun padang*. Sementara wakil parlimen, pada tahun ini [2006] hanya baru sekali *turun padang*.

Sekiranya boleh diwujudkan satu lagi kerusi perwakilan negeri di bawah parlimen Pensiangan ini, ia secara tidak langsung akan memberi dan meningkatkan *ruang* penyertaan komuniti Murut-Malaysia di sempadan ke dalam sistem politik demokrasi negara. Kewujudan satu lagi kerusi perwakilan negeri ini juga bermakna membawa pertambahan kepada kawasan *persempadanan pilihan raya*, dan dengan itu kawasan [sempadan] pilihanraya ini akan menguatkan lagi ikatan politik komuniti Murut-Malaysia di sempadan ke dalam proses pengesahan fakta sempadan negara secara psikologinya. Dan kawasan sempadan pilihanraya negeri yang baru tersebut mestilah diwakili dari kalangan pemimpin Murut di sempadan. Buat masa ini ketiga wakil politik [Parlimen dan DUN] adalah bukan daripada keturunan komuniti Murut. Perubahan struktural sempadan pilihanraya negeri ini amat penting kerana ia bakal menyumbang kepada pengukuhan *sense of belonging* yang bersifat nasional.¹² Sekiranya cadangan ini agak sukar untuk dipertimbangkan, kerajaan negeri Sabah boleh memperuntukkan salah satu daripada 6 kerusi DUN yang dilantik kepada wakil-wakil pemimpin masyarakat di sempadan sebagai alternatif.

Kedua, melalui proses yang bersifat non-struktural, iaitu mempertingkatkan proses sosialisasi politik di kalangan komuniti Murut-Malaysia di sempadan. Walaupun telah dibincang dan dihurai di atas bahawa dari segi simbol jelas melambangkan bahawa komuniti ini terangkum ke dalam identiti nasional, namun dari segi peranan agensi sosialiasi politik di kedaerahan ini amat minimum

¹²Langkah ini telah pun diambil oleh pihak pemerintah Indonesia dengan melantik dan mencalonkan adik ketua kampung Murut-Indonesia sebagai salah seorang Wakil Kepala Daerah. Perlantikan tersebut menjadi satu kebanggaan komuniti Murut-Indonesai di sempadan dan dianggap sebagai satu pengiktirafan pemerintah Indonesia kepada komuniti tersebut.

sekali. Misalnya, pasukan tentera atau kem tentera yang ditempatkan di kawasan tersebut boleh melakukan peranan ini, bukan sahaja sebagai pengawal keselamatan negara tetapi juga bertindak sebagai satu *agensi* sosial negara kepada masyarakat atau komuniti yang berada di sempadan dalam aktiviti-aktiviti yang bersifat kemasyarakatan.¹³ Buat masa ini apa yang boleh diperhatikan, kem tentera yang ditempatkan disini berada di kawasan perbukitan di antara perkampungan Bantul dan Sumalobang. Jarak perjalanan dari perkampungan Bantul ke kem tentera tersebut adalah 2 jam secara berjalan kaki meredah perbukitan.

Situasi ini bermakna bahawa dari sudut keselamatan perbatasan atau sempadan, kem tentera berada di belakang perkampungan Bantul dengan jarak yang agak jauh. Dari konteks pemantauan aktiviti persempadanan ianya agak longgar, disebabkan oleh kedudukan kem yang jauh di kawasan perbukitan tersebut. Berbanding dengan pihak Indonesia, kem tentera atau pos keselamatan TNI (Tentera Nasional Indonesia) adalah *check-point* pertama yang perlu ditempuhi sebelum mana-mana pihak sampai ke perkampungan Murut-Indonesia Semendapi, iaitu di *siring* Sungai Logongon. Kedudukan pos keselamatan Indonesia yang paling hampir ke garis sempadan ini seolah-olah bertindak sebagai simbol *pengawal* atau *tanda* batas Indonesia-Malaysia.

Sekiranya pihak pemerintah Malaysia boleh mengubah lokasi penempatan pos keselamatan tentera Malaysia berada lebih ke hadapan di *siring* Sungai Masalongon, bukan sahaja aktiviti keluar-masuk di kawasan tersebut dapat di pantau secara lebih efektif, tetapi juga mampu bertindak sebagai simbol *pengawal* dan *tanda* batas sempadan Malaysia-Indonesia. Dengan cara ini secara sosialisasinya masyarakat atau komuniti Murut-Malaysia Kampung Bantul akan merasakan secara empirikalnya bahawa keselamatan mereka adalah terjamin dan berada di dalam lingkungan sempadan Malaysia.

KESIMPULAN

Kertas ini secara amnya cuba untuk meneliti fenomena nasionalisme yang wujud di kalangan komuniti yang berada di

¹³Antara aktiviti sosial tersebut ialah dengan menganjurkan sambutan hari kebangsaan bersama-sama dengan masyarakat setempat atau mereka [tentera] turut sama bekerjasama meraikan sambutan kebudayaan yang dianjurkan oleh komuniti setempat. Melalui cara ini, ia akan dapat mengeratkan dan meningkatkan perasaan nasional diantara komuniti dan pemerintah.

kawasan sempadan antara dua negara. Kertas ini membahaskan bahawa “sempadan” adalah satu elemen penting kepada kehidupan bernegara dan bermasyarakat, khususnya dalam konsep negara-bangsa. Apatah lagi negara-bangsa dalam era globalisasi kini yang dikatakan semakin terancam dan tercabar kelangsungannya maka “sempadan” menjadi bertambah penting dalam agenda nasional khususnya kepentingan nasional yang perlu di pelihara. Sempadan penting kerana ia merupakan “alat” utama yang mengukur jarak ruang atau geografis sesebuah negara dan bermasyarakat. Persaingan untuk memiliki ruang yang luas merupakan kepentingan nasional yang paling klasik yang terpahat pada setiap negara.

Dalam era globalisasi kini, keperluan terhadap ruang semakin mendesak. Konflik yang berlaku di dunia masa kini adalah berpusat kepada persoalan ruang dan perluasan ruang. Ini kerana “ruang” merupakan sumber penting kepada kelangsungan sesebuah negara, sama ada dari sudut sumber asli atau bahan mentah, penempatan, pertahanan dan juga kemegahan. Namun, menurut penelitian saya, dalam proses kita mengesah dan megumpulkan fakta persempadanan, jangan sesekali kita melupakan elemen nasionalisme. Ini kerana nasionalisme adalah senjata ampuh yang bertindak secara halus dalam mengesahkan fakta sempadan kita. Kita harus mengambil pengalaman yang dialami oleh Iraq, kegagalan negara Iraq mengesahkan kelompok Kurdish sebagai sebahagian daripada warga Iraq telah memberi ruang kepada musuh mereka untuk memusnahkan negara tersebut secara hasutan identiti politik.

Bibliografi

- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM, edisi kedua.
- Ahmat Adam. (2007). “Perlembagaan Rakyat: Upaya Kaum Non-Melayu dan Kelompok Kiri Melayu Membina Nasion Malaya yang Multirasial” dalam *Historia: Journal of Historical Studies*, Vo.VIII, No.2 [December]. Bandung: Jurusan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI, hlm.119-140.
- Almond, G.A. & J.S. Coleman. (1960). *The Politics of the Developing Areas*. Princeton: Princeton University Press.

- Anderson, Benedict R.O'G. (1983). *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Barracrough, Simon. (1985). "The Dynamic of Coercion in the Malaysian Political Process" dalam *Modern Asian Studies*, 19(4).
- Case, William. (1993). "Malaysia: Semi-Democracy in Withstanding the Pressures for Regime Change" dalam *Pacific Affairs*, 66(2).
- Case, William. (1996). *Elite and Regimes in Malaysia: Revisiting a Consociational Democracy in Malaysia*. Clayton: Monash Asia Institute.
- Cham, B.N. (1975). "Class and Communal Conflict in Malaysia" dalam *Journal of Contemporary Asia*, 5(4).
- Chamil Wariya. (1987). *Politik Kompromi*. Kuala Lumpur: "K" Publishing.
- Cumming, M.C. & D. Wise. (1985). *Democracy Under Pressure: An Introduction to the American Political System*. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich.
- Cheah Boon Kheng. (1982). *Komrad Bertopeng*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Comber, Leon. (1983). *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*. Kuala Lumpur: Heineman.
- Crouch, Harold. (1992). "Authoritarian Trends, the UMNO Split and the Limits to State Power" dalam Joel S. Kahn & Francis Loh Kok Wah [eds.]. *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*. Sydney: Allen and Unwin.
- Crouch, Harold. (1996). *Government and Society in Malaysia*. St.Leonards: Allen and Unwin.
- Dahl, Robert. (1973). *Polyarchy: Participation and Opposition*. New Haven: Yale University Press.
- Diamond, Larry, Juan J. Linz & Seymour Martin Lipset. (1989). *Democracy in Developing Countries, Vol. Three: Asia*. Boulder, Colorado: Lynne Rienner.
- Enloe, Cynthia. (1970). *Multi-Ethnic Politics: The Case of Malaysia*. Berkeley: University of California Press.
- Funston, N.J. (1980). *Malay Politics in Malaysia: A study of the Malay National Organization and Party Islam*. Kuala Lumpur: Heinmann.
- Geertz, Clifford. (1963). "Primordial Sentiments and Civil Politics in the New States" dalam Clifford Geertz [ed.]. *Old Societies and New States*. Glencoe: Free Press.
- Gellner, E. (1983). *Nation and Nationalism*. Oxford: Blackwell.
- Goh Cheng Teik. (1989). *Racial Politics in Malaysia*. Petaling Jaya: FEP.
- Giddens, A. (1990). *The Consequences of Modernity*. Cambridge: Polity Press.
- Jamaie Hamil. (2005). *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Jomo, K.S. [ed.]. (1999). *Rethinking Malaysia*. Kuala Lumpur: Asia 2000-MSSA.
- Jesudason, James V. (1995). "Statist Democracy and the Limits to Civil Society in Malaysia" dalam *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*, 33(3).
- Kahn, Joel S. (1991). "Malaysia's General Election 1990: Continuity & Change". *Discussions Paper*, No.74. Singapore: Institute of SouthEast Asian Studies.
- Kahn, Joel S. & Francis Loh Kok Wah [eds.]. (1992). *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*. Sydney: Allen and Unwin.
- Kedourie, E. (1960). *Nationalism*. New York: Praeger.
- Leigh, Michael----. (1988). *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Kuala Lumpur: Antara.
- Lijphart, Arend. (1969). "Consociational Democracy" dalam *World Politics*, 21(2).

- Lijphart, Arend. (1977). *Democracy in Plural Societies: A Comparative Exploration*. New Haven: Yale.
- Lustick. (1979). "Stability in Deeply Divided Society: Consociationalism versus Control" dalam *World Politics*, 31(3).
- Mauzy, Diane K. (1983). *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Merican & Sons.
- Mauzy, Diane K. (1995). "Coercive Consociationalism" dalam John McGarry & Brendan O'Leary [eds.]. *The Politics of Ethnic Regulation*. London: Routledge.
- Means, Gordon P. (1976). *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton.
- Means, Gordon P. (1990). *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press.
- Milne, R.S. & Diane K. Mauzy. (1978). *Government and Politics in Malaysia*. Singapore: Federal.
- Milne, R.S. & K.J. Ratnam. (1974). *Malaysia: New States in a New Nation*. London: Frank Cass.
- Mohamad Nordin Sopiee. (1976). *From Malayan Union to Singapore Separation Separation: Political Unification in the Malayan Region, 1945-1965*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ohmae, K. (1995). *The Ends of the Nation States: The Rise of Regional Economies*. London: Harper Collins.
- Pye, Lucian W. (1963). *Aspect of Political Development*. Boston: Little Brown.
- Ricklefs, M.C. (2004). *A History of Modern Indonesia Since c. 1200*. Houndmills ect.: Palgrave, third edition.
- Roberston, R. (1992). *Globalization*. London: Sage Publication
- Smith, A.D. (1986). *The Ethnic Origins of Nations*. Oxford: Blackwell.
- Vasil, R.K. (1980). *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Vikas.
- Vorys, Karl von. (1975). *Democracy without Consensus*. Princeton: Princeton University Press.
- Zakaria Hj. Ahmad. (1989). "Malaysia: Quasi-Democracy in a Divided Society" dalam L. Diamond & M. Lipset [eds.]. *Democracy in Developing Countries*. Boulder, Colo: Lynne Rienner, Jilid ke-3: Asia.

Temubual:

- En. Bibian Asjal, Ketua Kampung Murut-Sumantipal, Provinsi Kalimantan Timur, Indonesia, pada 10hb September 2006.
- En. Elap Garing dan kelompok dewasa rumah panjang Murut di Kampung Bantul, Negeri Sabah, Malaysia, pada 11hb September 2006.